

**BN Sabah Tidak Fikir Pasal Pembahagian Kerusi, Tumpu Kepada Kerja - Musa Aman**  
**Bername**  
**18 Januari, 2012**

KOTA KINABALU, 18 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah tidak mahu terlalu memikirkan soal pembahagian kerusi untuk pilihan raya umum akan datang selagi belum berpuas hati dengan tanggungjawab kepada rakyat.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi BN negeri Datuk Seri Musa Aman berkata pada masa ini BN Sabah lebih menumpukan kepada soal kerja untuk rakyat.

"Kerja untuk rakyat mesti berterusan, bukan bila dekat pilihan raya sahaja baru hendak tolong rakyat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Graduasi ke-12 Kolej PTPL Sabah, di sini Rabu.

Beliau berkata BN Sabah juga mahu wakil rakyatnya terus mendekati diri dengan masyarakat bagi mengetahui masalah mereka, sekali gus memudahkan kerajaan negeri untuk membantu.

Katanya negara ini bertuah kerana mempunyai perdana menteri seperti Datuk Seri Najib Tun Razak yang sangat prihatin dengan keperluan rakyat.

Musa juga berkata ketika lawatan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin lepas, BN negeri diminta memantapkan perpaduan pada kalangan parti komponen agar mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640953>